

27/04/2003

'The Economist mahu keruhkan suasana negara'

KANGAR: Ahli Umno diingatkan rencana dalam majalah The Economist yang mengkritik keras Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, adalah taktik untuk melaga-lagakan pemimpin dan menggugat perpaduan parti serta negara.

Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Megat Junid Megat Ayub, berkata rencana itu juga mahu mempengaruhi rakyat supaya menafikan jasa Dr Mahathir sewaktu memimpin negara selama ini.

"Rencana itu hanyalah untuk menidakkan jasa Dr Mahathir dan semata-mata mahu mengeruhkan suasana negara kerana ia akan dijadikan bahan oleh pembangkang dalam pilihan raya akan datang," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Umno Bahagian Kangar, di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Umno Bahagian Kangar, Datuk Radzi Sheikh Ahmad dan Ahli Parlimen Kangar, Tan Sri Dr Abdul Hamid Pawanteh.

Megat Junid berkata, rencana itu juga akan memberi tekanan kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang dinamakan sebagai pengganti Dr Mahathir Oktober ini.

"Ahli Umno perlu berwaspada dengan taktik ini dan jangan terpengaruh kerana ia tidak akan menguntungkan parti," katanya.

Beliau mengulas rencana majalah itu keluaran 5 April lalu yang mengkritik keras Dr Mahathir dengan menyifatkan bakti terbaik yang boleh disumbangkan Perdana Menteri kepada Malaysia sejak sekian lama ialah bersara buat selama-lamanya.

Ditanya sama ada kemungkinan pembangkang turut memberikan pendapat untuk penulisan rencana berkenaan, Megat Junid berkata:

"Susah kita hendak cakap, mungkin penulis itu pernah datang ke Malaysia dan menemu bual di sana sini dan buat laporan yang menafikan jasa Dr Mahathir."

Beliau berkata, Umno akan menerangkan kepada ahlinya mengenai taktik buruk rancangan itu dan meminta mereka tidak terbawa-bawa dengan kandungannya.

"Kita bukan mahu memuji Dr Mahathir, tetapi jasanya kepada negara tidak wajar dilupakan," katanya.